

TARIKH	JUMAAT, 7 JANUARI 2022
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	KP JPA TERIMA PINGAT KEBESARAN JEPUN
M/S	9
BIDANG	CIVIL SERVICE
KATA KUNCI	CIVIL SERVICE

KP JPA terima pingat kebesaran Jepun

Penganugerahan tertinggi diberi kepada pemimpin luar terhadap sumbangan di rantau ini

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman dianugerahkan dengan *Order of the Rising Sun, Gold and Silver Star* daripada Maharaja Jepun, semalam.

Penganugerahan itu disempurnakan Duta Besar Jepun ke Malaysia, Katsuhiko Takahashi di kediaman rasminya, dekat sini. Anugerah itu pemberian tertinggi Jepun diberi kepada pemim-

pin atau individu luar terhadap sumbangan mereka kepada rantau ini.

Ia dianugerahkan kepada Mohd Khairul Adib bagi memberi penghargaan atas sumbangannya yang berusaha merapatkan lagi hubungan antara Jepun dan Malaysia dalam pelbagai kapasitinya sebagai pegawai kerajaan.

Sumbangan itu termasuklah peranan besarnya dalam pertukaran individu dengan individu antara Jepun dan Malaysia melalui Dasar Pandang ke Timur yang dilancarkan Malaysia, 40 tahun lalu.

Sumbangan Mohd Khairul Adib kepada kerjasama yang baik dengan Jepun bermula pada 2004 sejak beliau bekerja di negara itu sebagai Kaunselor di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Mohd Khairul Adib berkata, kerjasama baiknya diteruskan semasa bertugas dalam Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Kementerian Pendidikan serta Ke-

menterian Pengangkutan.

Pihaknya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kerajaan Jepun atas anugerah tersebut, selain berbesar hati menerimanya.

Beliau yang pernah melanjutkan pengajian di Universiti Saitama berkata, dalam skop kerjasama dengan Jepun, pihaknya akan memperluaskan biasiswa JPA kepada pelajar Malaysia yang ingin terbang ke negara itu. Sebelum ini penghantaran penuntut di bawah biasiswa JPA tertumpu kepada bidang sains, kejuruteraan dan matematik.

"Kini kita ingin meluaskan kepada bidang lain seperti ekonomi dan bahasa Jepun sendiri, ...di bawah biasiswa JPA, Jepun adalah antara negara paling ramai kita hantar penuntut ke sana.

"Di bawah biasiswa JPA, terdapat kira-kira 200 penuntut yang menyambung pengajian di Jepun di mana mereka perlu melepasi dua peperiksaan," katanya.

Beliau berkata, selain aspek biasiswa, pihaknya juga melaksana-



Takahashi (kanan) menyerahkan pingat *Order of the Rising Sun, Gold and Silver Star* oleh Maharaja Jepun kepada Mohd Khairul Adib di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Mohamad Shahril Badri Saali /BH)

kan kursus pendek untuk penjawat awam seperti Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (JICA) dan program kepimpinan muda.

Sementara itu, Katsuhiko berkata, meskipun berdepan pandemik COVID-19, pelaburan dari Jepun ke Malaysia tidak mengalami penurunan, malah negara ini dijangka menerima lebih banyak kelebihan itu selepas ini.

Beliau berkata, pihaknya dimaklumkan syarikat di Jepun masih berminat menjalankan

perniagaan di Malaysia dan menjangkakan ia bertambah baik sempena ulang tahun ke-40 Dasar Pandang ke Timur.

"Saya menerima banyak maklum balas positif dari syarikat Jepun yang kebanyakan mereka berminat menjalankan perniagaan di Malaysia.

"Saya berharap tahun ini bakal menyediakan peluang lebih baik untuk syarikat Jepun menjalankan perniagaan dengan Malaysia," katanya.

DISEDIAKAN OLEH

1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM
2-CARLOS LINTON (S19), BPM
UNIT PERPUSTAKAAN, BPM